

# Azam Baki dilantik Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu

Pelantikan dapat perkenan Yang di-Pertuan Agong

Oleh Mohd Anwar

Patho Rohman

wananwar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, berkuat kuasa semalam.

Pejabat Perdana Menteri mengumumkan, pelantikan Azam mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaras dengan subseksyen 5(1) Akta SPRM 2009.

"Pelantikan Azam susulan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan permohonan bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM,

Latheefa Beebi Koya untuk memendekkan kontrak perkhidmatan beliau, selaras dengan subseksyen 5(3) Akta SPRM 2009 (Akta 694).

"Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Latheefa atas perkhidmatan beliau kepada negara selama memegang jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM," kata kenyataan media itu, semalam.

Latheefa dilantik Ketua Pesuruhjaya SPRM untuk tempoh kontrak selama dua tahun berkuat kuasa 1 Jun tahun lalu.

Beliau menggantikan Datuk Seri Mohd Shukri Abdull yang turut memohon memendekkan tempoh kontrak perkhidmatannya.

Sementara itu, Azam mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mencadangkan namanya memegang jawatan itu kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Pada kesempatan ini, saya



**Ketua Setiausaha Negara**, Datuk Seri Mohd Zuki Ali menyerahkan surat pelantikan kepada Azam.

ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Tuanku melantik saya ke jawatan ini.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri yang mencadangkan nama saya Ke bawah Duli Tuanku," katanya

dalam satu kenyataan semalam.

Beliau mewakili seluruh warga SPRM mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan dan jasa Latheefa sepanjang tempohnya memegang jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM yang ke-14 kerana berjaya memimpin SPRM dengan baik dan cemerlang.